



OGOS 2017

# CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selasa, 1 Ogos 2017 – “Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara” adalah tema bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-12, 2017 yang membawa erti para belia perlu meningkatkan lagi daya usaha untuk melakukan pelbagai perkara besar dalam segenap bidang sama ada sosial, ekonomi, budaya dan sebagainya yang berbentuk penciptaan dan perubahan. Sambutan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas dan berangkat ke Majlis tersebut ialah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Mui'zaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja. Dalam titah baginda menyeru agar para belia perlu ada empat jenis kesedaran iaitu Beragama, Berkeluarga, Bermasyarakat, dan Bernegara yang menjadikan para belia lebih dewasa dan patriotik. Jika keempat perkara ini tidak ada maka impak buruk pasti akan menimpa masyarakat dan negara. Tanggungjawab kita adalah untuk membina insan sebab itu sekolah dibangun dan institusi keluarga didirikan yang memerlukan pemimpin yang prihatin dan kekuatan dakwah. Semua pihak perlu mengambil langkah bersepadu dalam membina





Rabu, 2 Ogos 2017 - YB Menteri KKBS menerima kunjungan hormat daripada TYT Dr Fahad Mashary Al Thafiri, Duta Besar Istimewa dan Mutlak, Negara Kuwait ke Negara Brunei Darussalam. Dalam kunjungan berkenaan perkara yang dibincangkan berhubung dengan kerjasama dua hala dalam bidang Sukan, Belia, Kemasyarakatan dan Kebudayaan.







**Khamis, 03 Ogos 2017** - Seramai 11 pegawai dan kakitangan KKBS yang akan menunaikan fardu haji diraikan dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Derma dan Doa Selamat bertempat di surau KKBS. Penyampaian sumbangan derma berkenaan disampaikan oleh YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis di-serikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh penceramah bebas Hj Abd Rahman bin Ajak.



**Khamis, 03 Ogos 2017**

YB Pehin Menteri KKBS membuat lawatan bagi meninjau persiapan para atlet Brunei ke Sukan SEA 2017. Tempat-tempat yang dilawati ialah Sukan Pencak Silat, Olahraga, Bola Sepak, Boling Padang, Lawan Pedang dan Bola Jaring. Lawatan bertujuan untuk memberikan sokongan moral dan pencetus semangat kepada para atlet untuk membuat latihan dengan penuh dedikasi dan semangat untuk menjadi juara.







**Isnin, 7 Ogos 2017** - Keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permai Suara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Olimpik Kebangsaan NBD adalah untuk meninjau persiapan latihan para atlet negara yang membuat latihan bagi menyertai Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur. Keberangkatan DYTM diiringi oleh YB Pehin Menteri KKBS. Dalam lawatan berkenaan DYTM menyeru agar para atlet perlu fokus dan mempersiapkan mental dan menunjukkan semangat juang yang tinggi dan kredibiliti sebagai atlet pilihan negara disamping itu tegas DYTM para atlet perlu menjaga disiplin dan menjaga pemakanan.

**Selasa, 8 Ogos 2017** - Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja telah dimeriahkan dengan pencahayaan lampu beraneka warna sebagai mercu tanda ASEAN sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan ke-50 ASEAN. Majlis Pelancaran Pencahayaan berkenaan disempurnakan oleh YB Pehin Menteri KKBS. Acara pada malam tersebut diserikan dengan perarakan daripada Pencaragam Serunai dan Tambur Jabatan Penjara, tarian kebudayaan, perbarisan lalu dengan pakaian negara ASEAN dengan membawa tanglung dan pearakan aneka basikal.



**Rabu, 9 Ogos 2017**

Penyerahan bendera negara kepada kontingen Negara Brunei Darussalam ke-Sukan SEA Kuala Lumpur disempurnakan oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permai Suara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih. DYTM dijunjung oleh YB Pehin Menteri KKBS. Kontingen negara dianggotai oleh 171 orang atlet dan 66 orang Pegawai. Pasukan negara menyertai 14 acara sukan iaitu Akuatik [Renang Berirama], Olahraga, Badminton, Lumba Basikal, Ekusterian, Karate, Boling Padang, Bola Jaring, Pencak Silat, Sepak Takraw, dan Wushu.



**Rabu, 9 Ogos 2017 - Pelancaran Penjenamaan Semula RBC Express Fast Food disempurnakan oleh YB Pehin Menteri KKBS dan Datin.**




**Isnin, 14 Ogos 2017**

Pameran solo seorang pelukis Pakistan yang terkenal, Shehla Rehman berkonsepkan 'Wajah-wajah Pakistan' telah sedikit sebanyak dapat mengongsikan pengetahuan mengenai sejarah, budaya dan keindahan Negara Pakistan. Pameran tersebut diadakan sehari di Galeri Seni Dermaga Diraja disempurnakan perasmianya oleh YB Pehin Menteri Kebudayaan. Dalam pameran juga memperlihatkan kumpulan etnik yang berbeza seperti Gilgit Balistan, Sindh, Punjab, Khyer Pakthun Khwa dan Balochistan yang menunjukkan pakaian-pakaian tradisi kebudayaan mereka.





**Rabu, 16 Ogos 2017** - Temuramah YB Pehin Menteri KKBS bersama Radio Televisyen Brunei untuk rancangan dokumentari perkembangan dan kemajuan KKBS sepanjang 50 tahun pemerintahan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki tahta bertempat di Pejabat YB Pehin Menteri KKBS.



**Khamis, 24 Ogos 2017** - Perjumpaan YB Pehin Menteri KKBS bersama YM Dato Paduka Haji Eddy bin Dato Paduka Hj Sunny, Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah.



**Khamis, 24 Ogos 2017** - Berbagai-bagai projek giat dilaksanakan oleh DBP dalam menyuntik semangat dan kesedaran mengenai pentingnya Bahasa Melayu dalam kehidupan. Usaha ini hendaklah berterusan demi mempertingkatkan dan memperkasa bahasa Melayu kerana jika kita kurang kuat maka kita akan hanyut oleh budaya yang kian meyusutkan nilai bahasa Melayu. Tiga faktor penting mendasari gagasan Bulan Bahasa iaitu Mobiliti, Motivasi dan Mentaliti. Mobiliti sebagai kaedah menyeranta, Motivasi pula menyeru kearah pendaultan bahasa Melayu dan Mentaliti untuk penanaman sikap proaktif dan bangga terhadap penggunaan bahasa Melayu. Pokok pangkalnya ialah berbalik kepada diri sendiri sama ada mahu menggunakan Bahasa Melayu atau menyingkirkannya dalam kehidupan seharian. Demikian yang disuarakan oleh YB Menteri KKBS yang dibacakan oleh YM Datin Hj Norlila, SUT KKBS.



### Rabu, 30 Ogos 2017

YB Pehin Menteri KKBS semasa raptai berbasikal Hari Keputeraan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Padang SOAS pusat bandar. Raptai tersebut bertujuan untuk membuat persiapan bagi keberangkatan KDYMM ke acara berbasikal Hari Keputeraan baginda ke -71 tahun yang berlangsung pada Hari Ahad, 03 September 2017.



**Khamis, 31 Ogos 2017** - Kontinjen negara ke Sukan SEA di Kuala Lumpur yang kembali ke negara Brunei Darussalam telah dialu-alukan oleh YB Pehin Menteri KKBS bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Kehadiran mereka di sambut dengan kalungan ucapan tahniah yang dikalungkan oleh YB Pehin Menteri KKBS. Kontinjen negara memungut sejumlah 14 Pingat, 5 pingat perak dan 9 pingat gangsa yang disumbangkan melalui sukan polo, sepak takraw, pencak silat, wushu, boling padang, karate dan bola jaring.



### Khamis, 31 Ogos 2017

Atlet para Kebangsaan Brunei perlu meningkatkan disiplin dan sentiasa mengikut arahan jurulatih juga harus menjaga kesihatan disamping mempunyai fikiran positif demikian nasihat daripada YB Pehin Menteri KKBS semasa membuat tinjauan ke tempat latihan mereka. 44 orang atlet para akan menyertai tiga acara iaitu Atletik, Berbasikal dan Bowling di Sukan Para ASEAN ke-9, 2017 di Kuala Lumpur.

